

# 21 peratus Bajet 2007 bangunkan modal insan

um-2/a/2006

**KUALA LUMPUR** 1 Sept. - Seperti yang dijangka, Bajet 2007 memberi peruntukan besar kepada pembangunan modal insan iaitu sebanyak 21 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan, daripada peruntukan RM33.4 bilion, RM6.7 bilion disalurkan kepada pendidikan rendah, pendidikan menengah (RM6.2 bilion), pengajian tinggi (RM10.4 bilion) dan program latihan (RM10.1 bilion).

"Melalui peruntukan tersebut, ia akan memudahkan usaha membangunkan modal insan yang selama ini menjadi prasyarat penting memacu pertumbuhan rantaian ekonomi dengan berpaksikan pengetahuan serta teknologi," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Perdana Menteri, tahun depan, jumlah kemasukan murid ke sekolah rendah dijangka mencecah 3.2 juta orang dan di sekolah menengah pula sebanyak 2.3 juta.

"Bagi menampung peningkatan jumlah murid ini, 22 sekolah rendah dan menengah baru akan mula beroperasi tahun depan.

"Kerajaan juga akan membina 198 buah sekolah termasuk sekolah menengah berasrama penuh.

"Majlis Amanah Rakyat (Mara) pula akan memperuntukkan RM90 juta untuk membina dua

buah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)," katanya.

Abdullah berkata, di bawah bajet kali ini, tumpuan juga diberikan kepada usaha menambah baik kualiti guru dan sebanyak RM782 juta akan disediakan bagi latihan guru.

"Ini termasuk untuk program latihan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Sebanyak RM56 juta juga disediakan bagi program latihan guru yang dilaksanakan secara usaha sama dengan universiti luar negara dan Universiti Terbuka Malaysia," ujarinya.

Bagi membela nasib guru, Perdana Menteri turut mengumumkan pelaksanaan 67 projek perumahan guru khususnya di luar bandar dengan membabitkan kos RM101 juta.

Beliau berkata, perluasan penggunaan komputer di sekolah juga menjadi agenda penting iaitu di bawah program pembesaran sekolah.

"Untuk program ini sejumlah RM288 juta diperuntukkan dan ia melibatkan perolehan komputer dan peralatan bagi pusat akses di 1,000 sekolah dan semua maktab perguruan," katanya.

Bagi menarik lebih ramai pelajar Cina dan India ke sekolah kebangsaan, beliau mengumumkan Bahasa Mandarin akan diajar sebagai mata pelajaran penuh di 150 sekolah kebangsaan sementara bahasa Tamil diajar di 70 sekolah kebangsaan.